

PELAKSANAAN PENILAIAN BILIK DARJAH DALAM KALANGAN  
GURUPENDIDIKAN ISLAM DAERAH JOHOR BAHRU

ANA HAFIZAN BINTI DAUD

Disertasi Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi  
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pengukuran Dan Penilaian)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

2012

## **DEDIKASI**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,  
Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T Tuhan seluruh alam.  
Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W

**Buat ayahanda dan bonda tercinta**

***DAUD BIN HAMZAH***

***JAMAIAH BINTI ZAINUDIN***

Terima kasih di atas doa yang tidak pernah henti-henti semenjak anakanda dalam kandungan hingga ke saat ini. Terima kasih kerana sentiasa di sisi memberi harapan tatkala anakanda berduka, memberi senyuman dan tatkala anakanda bahagia.

**Buat Semua Guru-Guru, Pensyarah dan Rakan-Rakan Seperjuangan,**  
Segala didikan, nasihat dan teguran akan menjadi panduan dalam meneruskan kehidupan. Terima-kasih di atas segala-galanya.

Semoga Allah S.W.T member hidayah dan membuka pintu rahmatNya kepada kalian semua

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, untuk segala kepujian dan kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. KepadaMu ya Rabb, kuperpanjangkan segala rasa syukur yang teramat kerana dengan limpah rahmat, taufik dan hidayah serta pertolongan Mu dapat penulis menyiapkan dan menyempurnakan laporan projek Sarjana Pendidikan (Pengukuran dan Penilaian). Berbekalkan semangat dan bantuan daripada semua pihak yang terlibat, baik secara langsung atau tidak langsung. Maka hasilnya, laporan projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditentukan.

Di kesempatan ini juga, penulis ingin merakankan setinggi-tinggi penghargaan dan terima-kasih kepada Dr. Zainudin Bin Abu Bakar selaku penyelia projek di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan projek Sarjana ini. Terima kasih juga kepada sekolah-sekolah serta semua guru yang terlibat dalam kajian ini. Begitu juga, terima kasih untuk rakan-rakan seperjuangan.

Tidak ketinggalan terima kasih buat ayahanda dan bonda tercinta yang sentiasa menjadi inspirasi dalam kehidupan penulis dengan berkat sokongan dan doa kalian serta kerjasama padu, projek ini dapat disempurnakan seperti yang ditentukan. Akhirnya, jutaan terima kasih untuk pihak yang terlibat secara langsungsegala jasa yang telah diberikan, semoga Allah S.W.T sentiasa merahmati dan memberkati kalian sepanjang masa. Amin.....

## **ABSTRAK**

Penilaian bilik darjah merupakan elemen penting untuk menilai keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, pemahaman, dan bentuk-bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam ketika melaksanakan penilaian bilik darjah. Responden kajian terdiri daripada 127 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Johor Bahru. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang diuji dengan nilai kebolehpercayaan 0.89. Analisis data dibuat menggunakan perisian SPSS versi 17.0 untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan pengujian hipotesis melalui ujian korelasi. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam melaksanakan penilaian bilik darjah serta mempunyai pemahaman yang tinggi terhadap kepentingan melaksanakannya. Masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam ketika melaksanakan penilaian bilik darjah ialah bebanan tugas dan tanggungjawab lain serta kurang kemahiran membina Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang dianggap mengganggu pelaksanaan penilaian bilik darjah dengan lebih efektif. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengalaman mengajar dengan tahap pengetahuan guru ( nilai  $r = 0.17$ ). Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan penilaian bilik darjah dalam kalangan guru Pendidikan Islam di masa hadapan.

## **ABSTRACT**

Classroom assessment is a crucial element to measure the effectiveness of teaching and learning process. The purpose of this descriptive research is to identify the level of knowledge, understanding and problems that are faced by the Islamic Education teachers in implementing classroom assessment. The respondents in this research involve 127 teachers who teach Islamic Education in secondary schools in Johor Bahru District. The research instrument includes questionnaires with the reliability of 0.89. The data analysis has been made by using SPSS software version 17.0 to obtain the frequency, percentage, min, standard deviation and hypothesis testing through correlation test. The finding of this research has shown that the Islamic Education teachers have a high level of knowledge in implementing classroom assessment and also have high level of understanding towards the importance of its implementation. The major obstacles faced by the Islamic Education teachers while implementing classroom assessment is the burden of other responsibilities and workloads and also the lack of skill to construct the test specification table (JPU), which is considered as a constraint in implementing classroom assessment more effectively. The finding of this research also has shown that there is no significant relationship between teaching experience and the level of knowledge ( $r = 0.17$ ) among teachers. Based on the finding of this research, a number of suggestions have been proposed to improve the effectiveness of classroom assessment among Islamic Education teachers in future.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
<b>JUDUL</b>		i
<b>PENGAKUAN</b>		ii
<b>DEDIKASI</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		iv
<b>ABSTRAK</b>		v
<b>ABSTRACT</b>		vi
<b>KANDUNGAN</b>		vii
<b>SENARAI JADUAL</b>		xii
<b>SENARAI RAJAH</b>		xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>		xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>		xvi
 <b>1 PENGENALAN</b>		 1
1.1 Pendahuluan		1
1.2 Latar Belakang Masalah		2
1.3 Pernyataan Masalah		11
1.4 Objektif Kajian		11
1.5 Persoalan Kajian		12
1.6 Hipotesis Kajian		13
1.7 Kepentingan Kajian		14
1.8 Skop Dan Batasan Kajian		15
1.9 Model Kajian		16
1.10 Definisi Istilah		18
1.10.1 Pengetahuan		18

1.10.2	Pemahaman	18
1.10.3	Pengamalan	19
1.10.4	Masalah	19
1.10.5	Pelaksanaan Penilaian Bilik Darjah	19
1.10.6	Guru Pendidikan Islam	20
1.11	Penutup	21
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>21</b>
2.1	Pendahuluan	21
2.2	Konsep Penilaian Bilik Darjah	22
2.3	Jenis-Jenis Penilaian Bilik Darjah	24
2.4	Bentuk-Bentuk Penilaian Bilik Darjah	25
2.5	Ciri-Ciri Utama Ujian	26
2.5.1	Kesahan	26
2.5.2	Kebolehpercayaan	27
2.5.3	Keobjektifan	28
2.5.4	Kebolehtadbiran	28
2.5.5	Kemudahtafsiran	28
2.6	Kepentingan Pelaksanaan Penilaian Bilik Darjah	29
2.7	Prosedur Pelaksanaan Penilaian Bilik Darjah	30
2.7.1	Proses Persediaan Ujian	31
2.7.2	Proses Persediaan Ujian	33
2.7.3	Proses Selepas Ujian	33
2.8	Kajian-Kajian Lepas	34
2.8.1	Kajian-Kajian Berkaitan Tahap Pengetahuan Melaksanakan Penilaian Bilik Darjah	35
2.8.2	Kajian-Kajian Berkaitan Tahap Pemahaman Mengenai Kepentingan Penilaian Bilik Darjah	36
2.8.3	Kajian-Kajian Berkaitan Amalan Dan Masalah Ketika Melaksanakan Penilaian Bilik Darjah	37

2.8.4	Kajian-Kajian Berkaitan Hubungan Pengetahuan Melaksanakan Penilaian Bilik Darjah Dengan Pengalaman Mengajar	38
2.9	Penutup	38
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>40</b>
3.1	Pendahuluan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	42
3.4	Populasi, Sampel, Dan Lokasi Kajian	44
3.5	Instrumen Kajian	44
3.5.1	Bahagian A	45
3.5.2	Bahagian B	46
3.5.3	Bahagian C	47
3.5.4	Bahagian D	48
3.6	Kaedah Analisis Data	48
3.6.1	Statistik Deskriptif	49
3.6.2	Statistik Inferensi	51
3.7	Prosedur Soal Selidik	52
3.8	Kesahan, Kebolehpercayaan Dan Kajian Rintis	53
3.8.1	Kesahan	53
3.8.2	Kebolehpercayaan	54
3.8.3	Kajian Rintis	54
3.9	Jangka Masa Kajian	55
3.10	Penutup	56
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>57</b>
4.1	Pendahuluan	57

4.2	Analisis Deskriptif Bahagian A: Latar Belakang Responden	59
4.2.1	Jantina	59
4.2.2	Taraf Pendidikan	59
4.2.3	Pengalaman Mengajar	60
4.2.4	Pengalaman Sebagai Penggubal Item Soalan Peringkat Daerah/Negeri/KPM	61
4.3	Analisis Deskriptif Bahagian B: Persoalan Kajian Pertama	51
4.3.1	Aspek Menentukan Silibus	61
4.3.2	Aspek Membina JSU	63
4.3.3	Aspek Menggubal Item	63
4.3.4	Aspek Membina Skema Jawapan	65
4.3.5	Aspek Mentadbir Penilaian	65
4.3.6	Aspek Memeriksa Jawapan	66
4.3.7	Aspek Analisis Penilaian	67
4.3.8	Aspek Melapor Dan Tindakan Susulan	68
4.4	Analisis Deskriptif Bahagian C : Persoalan Kajian Kedua	70
4.4.1	Konsep Penilaian Bilik Darjah	71
4.4.2	Kepentingan Penilaian Bilik Darjah	72
4.5	Analisis Deskriptif Bahagian D : Persoalan Kajian Ketiga	73
4.5.1	Kekangan Masa	74
4.5.2	Kemahiran Melaksanakan Penilain	75
4.5.3	Bebanan Tugas Dan Tanggungjawab Lain	77
4.5.4	Pendedahan Dan Latihan Berkenaan Penilaian Bilik Darjah	78
4.5.5	Kurang Keyakinan Diri	79
4.5.6	Kemahiran Membina JSU	80
4.6	Analisis Inferensi : Persoalan Kajian Keempat	81
4.7	Penutup	83
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>84</b>
5.1	Pendahuluan	84

5.2	Rumusan Dapatan Kajian	85
5.2.1	Rumusan Latar Belakang Responden	85
5.2.2	Rumusan Tahap Pengetahuan Responden	87
5.2.3	Rumusan Tahap Pemahaman Responden	87
5.2.4	Rumusan Masalah Dan Kekangan Utama Responden	88
5.2.5	Rumusan Hubungan Tahap Pengetahuan Responden Dengan Pengalaman Mengajar	89
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	89
5.3.1	Persoalan Kajian 1	90
5.3.2	Persoalan Kajian 2	91
5.3.3	Persoalan Kajian 3	93
5.3.4	Persoalan Kajian 4	94
5.4	Cadangan Hasil Kajian	94
5.4.1	Cadangan Tindakan	95
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	96
5.5	Penutup	97

**BIBILIOGRAFI** **99**

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Taburan item bagi latar belakang	45
3.2	Kategori Skala Likert 3 Mata	46
3.3	Taburan item pengetahuan dalam melaksanakan penilaian bilik darjah	46
3.4	Kategori Skala Likert	47
3.5	Taburan item pemahaman kepentingan melaksanakan penilaian bilik darjah	47
3.6	Taburan item masalah ketika melaksanakan penilaian bilik darjah	48
3.7	Pengkelasan tahap markat skor min	49
3.8	Pengkelasan tahap markat skor min	50
3.9	Persoalan kajian dan analisis statistik yang digunakan	50
3.10	Hipotesis kajian dan jenis analisis inferensi	51
3.11	Nilai pekali korelasi dan interpretasinya	52
3.12	Takwim Kajian	56
4.1	Kekerapan peratusan responden mengikut jantina	59
4.2	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut taraf pendidikan	60
4.3	Kekerapan dan peratus mengikut pengalaman mengajar	60
4.4	Kekerapan dan peratus mengikut pengalaman menggubal item peringkat Daerah/Negeri/KPM	61
4.5	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek menentukan silibus	62
4.6	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek JSU	63
4.7	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap	64

	pengetahuan mengikut aspek menggubal item	
4.8	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek membina skema jawapan	65
4.9	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek mentadbir penilaian	66
4.10	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek memeriksa ujian	67
4.11	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek analisis penilaian	68
4.12	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek melapor dan tindakan susulan	69
4.13	Min keseluruhan elemen pengetahuan	70
4.14	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek konsep penilaian bilik darjah	71
4.15	Taburan kekerapan, peratus dan min mengikut tahap pengetahuan mengikut aspek kepentingan penilaian bilik darjah	72
4.16	Min keseluruhan elemen pemahaman	73
4.17	Hubungan pengalam mengajar dengan pengetahuan dalam melaksanakan penilaian bilik darjah	83

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Adaptasi Model Pentaksiran Pengajaran Dan Pembelajaran	16
2.1	Prosedur Penilaian Bilik Darjah	30
3.1	Rekabentuk Kajian	43

**SENARAI SINGKATAN**

JSU	-	Jadual Spesifikasi Ujian
SPPK	-	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
LDP	-	Latihan dalam perkhidmatan
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
P&P	-	Pembelajaran dan Pengajaran
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
SPSS	-	<i>Statistical Package for Sciences Social</i>
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia
JKD	-	Jawatan Kuasa Daerah
GPI	-	Guru Pendidikan Islam

**LAMPIRAN**

**LAMPIRAN**

**TAJUK**

A

Soal Selidik

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pelaksanaan penilaian bilik darjah merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dalam melaksanakan penilaian bilik darjah yang betul, pengetahuan, pemahaman dan pengamalan terhadap proses-proses melaksanakan penilaian dalam kalangan warga pendidikan merupakan aspek paling penting dalam menghasilkan binaan-binaan soalan ujian yang berkesan dan bermakna dalam menilai keberkesanan hasil pembelajaran pelajar disamping dapat membuat penambahbaikan pembelajaran mereka. Antara aspek-aspek penting dalam melaksanakan penilaian bilik darjah ialah menentukan silibus, membina jadual spesifikasi ujian (JSU), cara membina ujian, pentadbiran ujian, semakan jawapan ujian, analisis item, pelaporan dan tindakan susulan.

Dengan itu, pendidik seharusnya menyedari akan peranan mereka dalam menentukan jenis-jenis soalan dan kemahiran pola-pola aplikasi aras soalan. Selain itu juga, guru-guru haruslah menyedari tentang kepentingan pengujian bilik darjah kerana kajian telah membuktikan perkaitan dan kesan amalan proses-proses penilaian

bilik darjah dalam menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Persoalannya, sejauh manakah guru benar-benar mempunyai pengetahuan, pemahaman dan amalan sebenar dalam melaksanakan proses-proses penilaian bilik darjah berkualiti dan berkesan.

## **1.2 Latar belakang Masalah**

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) adalah salah satu indikator pencapaian ke arah pembangunan intelek pelajar, SPPK merancang tiga strategi dalam menyediakan alternatif dan mengkaji semula sistem pentaksiran berorientasikan peperiksaan dan memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian. Kualiti sistem pentaksiran, memilih atau membina prosedur pentaksiran, mentadbir prosedur pentaksiran, memilih atau membina prosedur pentaksiran, mentadbir prosedur pentaksiran dan ketika memberi skor, membuat pelaporan dan menggunakan keputusan (Rohaya,2009). Terdapat lima faktor utama yang penting bagi menjamin kualiti pentaksiran adalah kesahan, kebolehpercayaan, keadilan, dan kebolehtadbiran.

Secara amnya, terdapat pelbagai cara digunakan dalam sistem penilaian dan pentaksiran prestasi pelajar iaitu melalui peperiksaan, kerja kursus, gerak kerja berkumpulan, projek dan sebagainya. Menurut Evan (1982), terdapat tujuh tujuan penilaian bilik darjah dilaksanakan iaitu untuk dorongan, diagnosis, menilai, memilih, melapor, membanding dan meramal. Di Malaysia, peperiksaan merupakan instrumen pentaksiran dan pengukuran utama yang digunakan oleh setiap institusi pendidikan untuk menilai tahap keupayaan intelektual pelajar

Seperti mana yang diketahui, kebanyakkan cara penilaian banyak melibatkan soalan-soalan ujian dan peperiksaan. Menurut Ariston (2007), dalam melaksanakan pengukuran tahap pencapaian pelajar, ujian bilik darjah berperanan penting untuk menilai status pemikiran pelajar. Penggubalan soalan-soalan ujian bilik darjah perlu melalui beberapa proses termasuklah penyediaan JSU, pembinaan item ujian, membuat ujian rintis, memurnikan item ujian. Secara dasarnya, keseluruhan proses ini membantu untuk memastikan kualiti item ujian dari segi kebolehpercayaan, kesahan seterusnya pengukuran yang adil (Hale, 1980)

Justeru, kepentingan pentaksiran dalam aspek pengujian bilik darjah dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran guru seterusnya menilai tahap keupayaan dan perkembangan potensi intelektual pelajar. Namun, keberkesanannya bergantung kepada faktor-faktor tertentu termasuklah sikap, orientasi dan falsafah guru, latihan, pengetahuan dan kemahiran guru dalam pentaksiran pendidikan (Rohaya,2008)

Dalam menilai keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran, guru-guru Pendidikan Islam perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan penilaian proses pengajaran dan pembelajaran yang betul. Terdapat lima prosedur penilaian iaitu (i) membina silibus, (ii) membina JSU (iii) membina instrument penilaian (iv) membina skema jawapan (v) mentadbir penilaian (vi) memeriksa kertas ujian (vi) menganalisis item (vii) melapor dan tindakan susulan

Namun, kekurangan pengetahuan dan kepakaran dalam kalangan guru-guru terhadap teknik serta metodologi pembentukan ujian dan penggunaan JSU amat ketara (Siti Nurfariza,2008). Ini dibuktikan dalam kajian beliau, mendapati tahap pengetahuan guru-guru pelatih di sebuah institusi pengajian tinggi awam terhadap aspek merancang ujian dan membina instrumen penilaian adalah pada tahap sederhana walaupun mereka sedang mengikuti latihan keguruan. Malah terdapat

juga guru yang tidak memahami dan mengikuti prosedur membina instrumen penilaian yang baik.

Taksonomi Bloom merupakan asas dalam menentukan aras-aras kognitif yang hendak diukur dalam sesuatu ujian dan merupakan rujukan utama dalam aspek menentukan silibus ketika melaksanakan penilaian bilik darjah (Mohd Najib, 1997). Oleh itu, pengetahuan guru-guru mengenai aras-atas taksonomi Bloom amat penting dalam penilaian bilik darjah amnya, khususnya dalam membina JSU. Namun, situasi yang sebenarnya, mendapati kebanyakkan guru masih tidak mahir dalam menggubal item-item soalan yang berkaitan dengan taksonomi Bloom terutama dalam aspek mengklasifikasikan dan mengenal pasti soalan mengikut aras kemahiran dan tahap kognitif sedangkan aras kognitif Bloom dapat membantu guru menyediakan item soalan yang bermutu dari aspek kepelbagaian aras kognitif (Adzha,2008)

Kenyataan ini disokong dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohd Fakhrudzafie (2010). Dalam kajian beliau menunjukkan guru-guru agak mahir dalam pembinaan JSU, namun masih terdapat guru yang tidak begitu mahir mengenai JSU terutama mengenai aras-aras kognitiif dalam taksonomi Bloom yang berkaitan dengan definisi dan kegunaan aras-aras taksonomi Bloom.

Menurut Gronlund (1982), aspek pengujian dan penilaian dalam pengajaran adalah sama pentingnya dengan proses pengajaran guru di bilik darjah. Matlamat utama penilaian dijalankan ialah untuk meningkatkan atau memperbaiki pembelajaran. Sekiranya ditinjau dari aspek yang lebih luas lagi, penilaian yang dijalankan memberi manfaat besar kepada guru-guru, pelajar serta ibu-bapa malah kepada pihak sekolah serta kementerian pelajaran sendiri apabila memberikan maklumat yang tepat dan berkesan hasil daripada pelaksanaan penilaian bilik darjah yang betul, adalah penting bagi menghasilkan soalan-soalan ujiaan yang dapat memberikan maklumat yang bermakna seterusnya dapat menilai hasil pembelajaran pelajar secara lebih berkesan.

Laporan kajian yang dibuat oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 1999 mendapati bahawa kebanyakkan instrumen pentaksiran yang dihasilkan oleh guru-guru di peringkat sekolah masih lagi belum mencapai piawaian di peringkat kebangsaan. Pembinaan soalan-soalan ujian bilik darjah yang dibina oleh guru-guru adalah yang tidak berkualiti. Walapupun kepentingan ujian bilik darjah, telah diketahui umum, namun masih terdapat guru-guru Pendidikan Islam yang masih lagi tidak menjalankan proses-proses penilaian bilik darjah di bilik darjah dengan betul dan keadaan ini membimbangkan.

Masih terdapat segelintir guru yang masih tidak memahami tujuan dan prosedur membuat item yang baik (Sumini,2002). Menurut Guskey (2001), guru didapati kurang memberi penekanan terhadap kepentingan penilaian sebagai proses untuk meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran. Kenyataan ini disokong oleh Paul (2002) menjelaskan hasil penilaian dikatakan tidak memberi maklum balas yang boleh membantu untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran guru. Menurut Asri (2007) dalam aspek melaksanakan praujian, dapatkan kajiannya mendapati guru-guru kurang pemahaman mengenai kepentingan praujian menyebabkan soalan-soalan yang digubal oleh guru sama ada ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun tidak dipra-uji terlebih dahulu.

Makluman daripada hasil ujian digunakan juga untuk membantu mempertingkatkan keberkesanan pengajaran (Gronlund,1993; Guskey,2001; Paul,2002) bagi meningkatkan pembelajaran murid selain daripada untuk tujuan pelaporan. Kepentingan ujian sebagai alat untuk membantu mempertingkatkan keberkesanan pengajaran kurang diberi perhatian oleh kebanyakkan pendidik (Guskey,2001). Hasil maklumat daripada proses penilaian yang dijalankan pula dikatakan tidak memberikan maklumat yang boleh membantu untuk mempertingkatkan pengajaran (Paul,2002). Hasil ujian perlulah memberikan maklumat yang sah dan boleh dipercayai untuk membolehkan penggunaannya menjadi lebih bermakna.

Dalam kajian oleh Notar et al. (2004), mereka merumuskan bahawa terdapat perkaitan yang sangat rapat antara pembinaan ujian bilik darjah oleh guru dengan akauntabiliti guru itu sendiri dalam memastikan kesahan sesuatu ujian. Guru yang tidak mengikut prosedur sebenar penilaian bilik darjah tidak akan dapat menilai pencapaian pelajar dengan baik. Menurut Somini (2002) berkaitan pengetahuan guru mengenai penggunaan JSU terutama dalam aspek membina item ujian, kebanyakkan guru telah mengetahui tentang prosedur pembinaan item-item soalan yang betul. Malah, mereka juga tahu bahawa pembinaan JSU meliputi enam aras kemahiran kognitif. Namun, beliau menjelaskan lagi, majoriti guru tidak percaya bahawa penggunaan JSU lebih memudahkan tugas mereka menjalankan kerja-kerja pembinaan item ujian.

Kajian di luar negara juga menunjukkan dapatan yang hampir serupa. Menurut Senk, Beckman dan Thompson (1997), pelaksanaan penilaian dalam kalangan guru-guru sekolah tinggi Amerika Syarikat masih bergantung kepada pengetahuan dan kepercayaan guru terhadap penilaian itu sendiri. Guru menganggap bahawa penilaian dan pengujian adalah sesuatu proses yang terasing daripada proses pembelajaran dan pengajaran

Dalam melaksanakan penilaian, ianya perlu dirancang terlebih dahulu sebelum dilaksanakan dengan menyediakan segala perincian tentang bagaimana penilaian akan dijalankan mengikut beberapa prosedur yang telah ditetapkan. Contohnya, ialah seperti menyediakan jadual spesifikasi ujian apabila menyediakan ujian bertulis yang formal. Semasa JSU disediakan, butiran seperti masa dan format ujian dapat ditentukan.

Menurut Rosmawati (2008) menjelaskan guru mungkin tidak mengikut prosedur yang betul apabila membina item ujian terutamanya proses merancang ujian bilik darjah masih kurang diamalkan oleh guru-guru sekolah. Hal ini timbul disebabkan kurangnya pengetahuan guru-guru tersebut terhadap aspek merancang

ujian termasuklah penggunaan JSU dan mereka mengambil jalan mudah ketika membina item ujian dengan mengambil terus soalan daripada buku-buku yang dijual dalam pasaran kini.

Menurut Mok Soon Sang (1995) pula, terdapat item-item soalan dibina tidak mengikut aras kognitif yang telah ditetapkan dalam JSU. Ini dibuktikan dalam dapatan kajian Rohana (1997) yang telah menganalisis soalan-soalan ujian dan peperiksaan Bahasa Melayu tahun enam yang digubal oleh panel-panel penggubal soalan peringkat daerah. Beliau mendapati, sebanyak 65% daripada soalan-soalan yang dibina tertumpu kepada soalan-soalan dalam kategori aras rendah. Ini menunjukkan guru tidak tahu merancang dan tidak memberi penekanan ketika membina soalan-soalan ujian dan peperiksaan berdasarkan aras kognitif di dalam JSU.

Malah dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian Wan Mohd Zahid (1993), yang menyatakan guru-guru Pendidikan Islam hanya menumpukan kepada penyampaian maklumat dan hafalan. Oleh itu, usaha bagi meningkatkan daya berfikir, analisis, sistesis, dan kreatif dan pemahaman tinggi kurang diberikan perhatian malah mungkin diabaikan. Oleh itu, guru perlu mahir dalam merancang dan menyediakan item soalan-soalan berdasarkan aras kognitif dalam JSU. Pertalian ini turut menjelaskan para guru gagal menstruktur dan menggunakan soalan secara berkesan dalam merangsang pemikiran pelajar (Hunkins,1972).

Merujuk Laporan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK,1990) menjelaskan dalam penggubalan item soalan, guru tidak memberikan penekanan terhadap setiap aras domain pelajar terutamanya melibatkan domain kognitif secara tepat. Dalam kajian yang dijalankan Mehrens dan Lenchman (1984), mendapati ramai dalam kalangan guru mengambil jalan mudah menyediakan item soalan tanpa mengambil kira pelbagai aras kebohan kognitif soalan. Manakala dalam kajian Hussein (1993), mendapati guru-guru hanya lebih menekankan pencapaian prestasi akademik pelajar

tanpa memikirkan pelbagai aras kebolehan yang hendak diuji terutama dalam membina item-item soalan yang dibuat tanpa mengambil kira aras kognitif pelajar. Ini menunjukan guru-guru tidak membina item seperti yang telah dirancang dalam jadual spesifikasi ujian (JSU).

Malah ada di antara guru yang mengambil jalan mudah dengan menggunakan item soalan yang berada di pasaran tanpa memikirkan kesannya kepada perkembangan intektual pelajar (Siti Nurfariza,2008). Ia dapat dijelaskan lagi, keadaan apabila sikap guru yang masih gemar menggunakan buku-buku soalan yang dikeluarkan oleh pihak pengeluar dan syarikat buku tempatan yang tiada pelarasan dalam pembinaan item mengikut aras kognitif pelajar (Abu Bakar,1989).

Menurut Salbiah (1995) yang mendapati ramai guru bergantung kepada item dalam buku-buku soalan yang tersedia di pasaran. Hal ini berlaku, kerana guru di sekolah terlalu sibuk dengan pengurusan situasi yang kompleks berkaitan dengan peribadi, emosi, dan tekanan sosial di kalangan pelajar (Black & William,1998). Oleh kerana kekurangan masa dan kepakaran, kebanyakkan item ujian diambil terus daripada buku di pasaran kerana cara inilebih cepat dan mudah. Ada juga kalangan guru yang mendapatkan item daripada bank item atau mengubah suai item daripada buku rujukan.

Dalam kajian oleh Muhamad Sahari (2001) telah mendapati guru dengan 20 jenis amalan negatif pengujian dan pentaksiran. Antaranya ialah ujian yang dibina tidak berkaitan dengan isi pelajaran, kertas ujian banyak kesilapan, soalan sukar dan mudah terlalu ekstrem dan JSU tidak disediakan sebelum item digubal. Akibatnya, guru gagal melaksanakan pengujian dan penilaian yang berkualiti dan memberi impak yang negatif terhadap proses pembelajaran dan pengajaran.

Manakala dalam kajian Rohayati (2003), menyatakan penggunaan penilaian hanya untuk melaporkan kemajuan kanak-kanak kepada ibu-bapa, sedangkan ia mempunyai skop yang lebih luas. Kenyataan ini turut disokong oleh Norhashimah dan Khadijah (2000), bahawa tangapan ibu-bapa mengenai kepentingan penilaian hanya tertumpu kepada pencapaian kognitif. Hal ini, menyebabkan guru hanya menumpukan exam oriented semata-mata.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Asri (2007) mendapati guru memahami dengan jelas pengukuran dan penilaian serta pentingnya ujian dan peperiksaan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Namun begitu, terdapat beberapa prosedur yang gagal dipatuhi oleh guru-guru dalam menilai pelajar. Antaranya ialah guru tidak menentukan objektif ujian, tidak menyediakan JSU, tidak membuat bahawa guru-guru kurang memahami tujuan dan kepentingannya. Dapatkan juga jelas, memang JSU tidak dibina. Alasannya ia sukar dibina, rumit dan mengambil masa yang alma dan guru-guru kurang kemahiran tentang JSU

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohamad (1993) mendapati ramai guru menghadapi kesukaran mengendalikan penilaian kanak-kanak pra sekolah kerana kurang kemahiran. Manakala Nordin (2000), menyatakan antara masalah-masalah yang dihadapi ketika melaksanakan ialah merekod prestasi murid hanya berpandukan kepada buku laporan kemajuan murid sahaja dan kurang pendedahan dan latihan terhadap penilaian. Selain itu, bebanan tugas dan tanggungjawab yang banyak,kekangan masa, bilangan kanak-kanak yang ramai dan pelbagai kerentak, serta tanggapan ibu-bapa terhadap tujuan penilaian turut menghalang keberkesanan penilaian.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Norhashimah dan Khadijah (2000), guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan penilaian formatif kerana tumpuan pada persediaan dan pelaksanaan aktiviti di dalam bilik darjah. Selain itu juga, dapatkan kajian mereka juga menyatakan, guru jarang

melaksanakan kaedah penilaian seperti pemerhatian, senarai semak, dan rekod individu.

Mohd Sani (2000) pula menjelaskan untuk menjalankan ujian dan peperiksaan yang dikendalikan di sekolah, selain bertugas menyampaikan pengajaran dan pembelajaran, guru-guru merupakan pembina soalan dan juga sebagai pemeriksa kertas jawapan. Tugas ini amat rumit dan mencabar kerana memerlukan penumpuan yang teliti. Oleh itu, guru-guru yang diberi kemahiran dalam mata pelajaran yang dinilai dan tenaga yang banyak serta masa yang mengurus. Namun, oleh kerana guru telah dibebani dengan tugas dan tanggungjawab yang lain, guru mengabaikan aspek-aspek penting dalam memeriksa kertas ujian pelajar seperti lewat memeriksa kertas jawapan ujian, tidak mematuhi skema jawapan yang disediakan dan ada unsur 'pilih kasih' ketika memeriksa kertas ujian pelajar.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai guru Pendidikan Islam, kebanyakkan guru-guru tidak mengamalkan prosedur penilaian bilik darjah sama ada dalam aspek menentukan tujuan dan kandungan ujian, menggunakan JSU, menulis item, dan menyemak item. Mereka lebih gemar membina item sendiri tanpa mengikuti proses-proses yang sebenar dalam membina ujian bilik darjah. Keengganan mereka untuk mengikuti proses-proses sebenar dalam melaksanakan penilaian bilik darjah sering menjadi tanda tanya kepada penyelidik. Adakah fenomena ini ada kaitan dengan tahap pengetahuan mereka terhadap pengujian dan penilaian bilik darjah atau pemahaman mereka terhadap kepentingannya serta masalah-masalah yang dihadapi ketika melaksanakannya.

Justeru itu, tumpuan kajian ini adalah mengenai pengetahuan guru tentang prosedur pengujian dan penilaian bilik darjah dan kefahaman guru tentang kepentingan penilaian bilik darjah. Dalam menilai keberkesanan pembelajaran dan pengajaran. Kajian ini, turut dijalankan bagi mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi ketika melaksanakan penilaian bilik darjah. Selain itu, turut mengkaji hubungan tahap pengetahuan guru mengenai pelaksanaan bilik darjah dengan faktor pengalaman mengajar.

#### **1.4     Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini ialah meninjau secara umum tahap pengetahuan dan pemahaman terhadap pelaksanaan bilik darjah serta masalah-masalah yang dihadapi ketika melaksanakan penilaian bilik darjah dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam daerah Johor Bahru. Objektif khusus ini dijalankan adalah untuk :

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan penilaian bilik darjah.
- ii. Mengenal pasti tahap pemahaman guru-guru pendidikan islam mengenai kepentingan melaksanakan penilaian bilik darjah
- iii. Mengenal pasti bentuk-bentuk masalah dan kekangan utama yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam ketika melaksanakan penilaian bilik darjah

- iv. Mengenal pasti perkaitan antara faktor pengalaman mengajar dengan tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan penilaian bilik darjah

### **1.5 Persoalan Kajian**

Adalah diharapkan melalui kajian ini, persoalan-persoalan seperti berikut dapat dijawab :

- i. Apakah tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan penilaian bilik darjah ?
- ii. Apakah tahap pemahaman guru-guru pendidikan Islam terhadap kepentingan penilaian bilik darjah?
- iii. Apakah masalah-masalah dan kekangan utama yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam ketika melaksanakan penilaian bilik darjah?
- iv. Adakah wujud perkaitan antara faktor pengalaman mengajar dengan pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan penilaian bilik darjah ?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Berdasarkan objektif kajian keempat , hipotesis nol berikut telah dibentuk :

- i) Hipotesis Nol 1: Tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor pengalaman mengajar guru dengan tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan penilaian bilik darjah

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Pengkaji mengharapkan hasil kajian ini dapat memberi gambaran dan membantu pihak-pihak tertentu supaya langkah-langkah sewajarnya diambil bagi memantapkan lagi tahap pengetahuan dan membantu membentuk pemahaman serta usaha-usaha menggalakkan guru-guru Pendidikan Islam melaksanakan proses-proses penilaian bilik darjah yang sebenarnya. Antaranya ialah:

- i. Dapat meningkatkan kesedaran guru-guru Pendidikan Islam tentang kepentingan pelaksanaan penilaian bilik darjah yang betul dalam membantu meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, para guru juga akan dapat menilai sejauh mana tahap penguasaan mereka dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai jika perlu, seterusnya memperbaiki kemahiran sedia ada guru bagi meningkatkan tahap profesionalisme.

- ii. Dapat membantu pelajar menyedari kepentingan penilaian bilik darjah dalam menilai setiap hasil pembelajaran yang harus mereka kuasai
- iii. Dapat memberi gambaran kepada pihak pentadbir sekolah untuk dalam memantapkan lagi tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam mengenai aspek-aspek penting dalam penilaian bilik darjah melalui program-program , kursus-kursus dan latihan dalam perkhidmatan (LDP) di peringkat sekolah
- iv. Sebagai panduan kepada ketua panitia Pendidikan Islam untuk menyediakan garis panduan yang lengkap kepada guru-guru tentang kepentingan menjalankan proses-proses penilaian bilik darjah yang betul

### **1.8 Skop Dan Batasan Kajian**

Kajian walaupun begitu, pengkaji menghadapi beberapa batasan tertentu yang menyebabkan gambaran yang menyeluruh tidak dapat dilaksanakan. Terdapat beberapa batasan dan skop tertentu yang perlu dipatuhi dalam menjalankan kajian ini. Antara batasan-batasan itu ialah:

- i. Sampel kajian hanya lembatkan kumpulan guru-guru Pendidikan Islam (KBSM) terdiri daripada lelaki dan perempuan yang mengajar di daerah Johor Bahru, Johor.
- ii. Keikhlasan sampel dalam memberi maklum balas dan data di dalam soal selidik juga boleh dipertikaikan. Mereka mungkin menjawab berdasarkan

situasi, tempat kerja dan berkemungkinan dipengaruhi juga oleh kepentingan peribadi.


- iii. Teknik penilaian bilik darjah yang dikaji tertumpu kepada teknik penilaian secara formal atau ujian tara iaitu dalam bentuk ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun.

### **1.9 Model Kajian**

Berdasarkan rajah 1.1, pengkaji mengetengahkan model pentaksiran pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan oleh Asri (2007) dalam kajian beliau yang bertajuk “Amalan Pentaksiran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Menengah Bestari Di Negeri johor” sebagai landasan kajian. Rajah tersebut menunjukkan prosedur yang perlu diikuti oleh pendidik untuk dilakukan bagi memastikan penilaian bilik darjah berkualiti dan bermutu tinggi. Menurut beliau, terdapat lapan aspek penting dalam model ini iaitu penilaian bilik darjah, aras taksonomi, pelaksanaan penilaian bilik darjah, skema, teknik penilaian, ciri utama ujian, jenis item dan analisis item.

Oleh itu, untuk kajian ini, penyelidik hanya mengadaptasikan salah satu prosedur dalam model pentaksiran dan pembelajaran iaitu pelaksanaan penilaian bilik darjah. Menurut Groundland (1970) dan Gallenger (1998), pelaksanaan penilaian yang ideal perlu mematuhi silibus, membina JSU, pembinaan instrumen dan skema jawapan, pentadbiran penilaian, pemeriksaan, analisis item, dan laporan. Oleh itu, sebagai guru, mereka mestilah mempunyai pengetahuan, pemahaman dan melaksanakan proses-proses penilaian bilik darjah yang betul supaya akan dapat

menghasilkan sistem pentaksiran pengajaran dan pembelajaran yang standard dan berkualiti.



**Rajah 1.1:** Adaptasi : Model Pentaksiran Pengajaran Dan Pembelajaran  
(Asri Selamat,2007)

## I.10 Definisi Istilah

Bahagian ini membincangkan definisi istilah-istilah yang berkaitan dengan konteks kajian bagi tujuan menjelaskan istilah yang digunakan dalam kajian

### 1.10.1 Pengetahuan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ‘pengetahuan’ bermaksud perihal mengetahui tentang sesuatu perkara. Pengetahuan adalah sesuatu yang diketahui dan dipelajari. Pengetahuan saintifik yang diperolehi daripada pembelajaran konsep dan fakta dapat digunakan dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik ingin mengetahui tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan penilaian bilik darjah.

### 1.10.2 Pemahaman

Dalam Kamus Dewan (1994), 'pemahaman' merujuk kepada perihal memahami apa yang difahami tentang sesuatu atau sejauh mana sesuatu itu difahami, atau tanggapan. Menurut Usman (1993), pemahaman adalah kemampuan untuk menyerap erti bahan yang dipelajari. Menurut Kamus Dewan (2005) mentakrifkan pemahaman adalah proses, cara, perbuatan memahami dan memahamkan. Jadi dapat disimpulkan bahawa pemahaman adalah kemampuan untuk menangkap erti dari sesuatu yang telah dipelajari seperti kemampuan seseorang, menafsirkan maklumat dan meramalkan akibat satu peristiwa. Justeru dalam kajian ini, penyelidik ingin mengetahui tahap pemahaman yang membolehkan para guru memperkembangkan sikap positif dan membentuk pemikiran yang sistematik berkaitan penilaian bilik darjah

### **1.10.3 Pengamalan**

Amal berasal dari perkataan arab yang membawa maksud 'tindakan', atau sesuatu yang dikerjakan. Manakala amalan merupakan sesuatu yang dilakukan atau dilaksanakan sebagai suatu kebiasaan (Kamus Dewan,2005). Justeru dalam kajian ini, penyelidik ingin mengetahui tahap amalan kebiasaan yang dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Islam selama ini, berkaitan dengan prosedur-prosedur penilaian bilik darjah

### **1.10.4 Masalah**

Merujuk Kamus Dewan (1994), 'masalah' adalah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran dan kesulitan. Dalam kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada masalah dalam pelaksanaan penilaian bilik darjah. Di dalam kajian ini, penyelidik hanya memilih enam ciri kerja iaitu kekurangan masa, kurang kemahiran melaksanakan penilaian, beban tugas dan tanggungjawab, kurang pendedahan dan latihan, kurang kemahiran membina JSU dan kurang keyakinan melaksanakan penilaian.

### **1.10.5 Pelaksanaan Penilaian Bilik Darjah**

Menurut Abdul Aziz (1989), penilaian adalah proses menentukan perubahan tingkah laku dan membuat pertimbangan nilai. Manakala, penilaian bilik darjah adalah prosedur yang digunakan untuk memberi maklum balas kepada guru mengenai tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap objektif dan isi kandungan yang telah diajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Dalam aspek proses, terdapat beberapa peringkat pelaksanaan penilaian bilik darjah yang perlu dilaksanakan oleh guru. Proses dimulakan dengan menentukan silibus atau isi pelajaran yang terkandung dalam rancangan pelajaran. Soalan yang dibina perlukan berdasarkan JSU sebagai garis panduan membina item. Proses seterusnya adalah penggubalan soalan, pemilihan dan penyelarasaran soalan, prauji dan penyediaan kertas soalan. Seterusnya adalah pembinaan skema jawapan yang digunakan untuk mengukur dan menilai pencapaian terhad dan pembelajaran kompleks.

Proses ini diikuti oleh mentadbir ujian, memeriksa, memberi skor serta menganalisis item dengan menggunakan pendekatan terbaik dalam melaksanakan penilaian. Hasil maklumat penilaian yang diperoleh, akan dilaporkan kepada pihak-pihak berkenaan supaya tindakan susulan dan pemantauan dapat dijalankan dari semasa ke semasa.

#### **1.10.6 Guru Pendidikan Islam**

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mentakrif guru sebagai pendidik, pengajar dan pengasuh. Guru adalah pendidik profesional dengan tugas utama mendidik, mengajar, membimbing, mengarah, menilai pelajar melalui pendidikan formal sama ada pendidikan peringkat rendah dan pendidikan peringkat menengah. Dalam kajian ini merujuk, kepada guru sebagai penggubal soalan ujian dan peperiksaan ketika melaksanakan pengujian dan penilaian bilik darjah berdasarkan sukanan kurikulum pendidikan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (KBSP)

### **1.11 Penutup**

Setelah dibina matlamat serta objektif khusus dalam memahami segala definisi istilah untuk melaksanakan kajian, maka bab dua dan tiga diteruskan bagi mencari jawapan persoalan-persoalan kajian serta menyelesaikan masalah berdasarkan dapatan-dapatan kajian lepas. Pelaksanaan penilaian bilik darjah yang sistematik seharusnya menjadi inspirasi baru dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan meningkatkan mutu pengajaran

## **BIBLIOGRAFI**

- Abdul Aziz Talib (1989), Pengajaran dan Pengujian Bahasa, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Abdullah Nordin (1989). *Pendidikan Pintar Cerdas Selaras Dengan Keperluan Tahun 2020*. Dalam Jurnal Pendidikan Islam, 4. 45-61
- Abu Bakar Nordin (1986). *Asas Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn Bhd. 153-183.
- Ahmad Mahzan Ayob (2007). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ariston Shah Muhamimin (2007). *Keseragaman Antara Pernyataan Hasil Pembelajaran Kursus dan Item Soalan Peperiksaan Akhir Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTM*. Universiti Teknologi Malaysia: Disertasi Sarjana
- Asri Selamat (2009). *Amalan Pentaksiran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sekolah Menengah Bestari Di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Disertasi Sarjana
- B.S. Bloom, (ed). (1956). *Taxonomy of Educational Objectives Handbook Cognitive Domain*. New York David Mc Kay
- Bashah Abu Bakar (2009).. Tanjong Malim. Quantum Books
- Berry. B. (1988). *Labour Market Choices and teacher Reform: Policy Options for The Public School of Twenty-first Century* Teaching and Teacher Education 4 (1) : 71-81.
- Brereton, J.L (1964), Exam Where Need? Pasific Northwest Humanist Publication

- Busha, H. C & Stephen, P.H. (1980). *Research Methods in Librarianships and Interpretation Technique*. New York: Academic Press.
- Calderhead (1996). *Teacher: Belief and Knowledge*. In D. C Beruner, & R. C Calfee (eds.) *Handbook of Educational Psychology*. 109-125. New York: Mac Millan
- Campbell, C. Murphy, J. A. Holt, J. K. (2002). Psychometric Analysis of An Assessment Literacy Instrument: Applicating to Preservice Teacher. Paper presented at Annual Meting of the Mid-Western Eductinal Research Assusiation, October, Colombus
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education Malaysia
- Clark, C. M & Pettersson, P. L (1988). *It's a Good Score. Just a Bad Grade*. Phi Delta Kappan. 68-71
- Cole, R. A & Williams (1973). Pupil Responses to Teachers Question: Cognitive Level, length and syntax. *Educational Leadership*. 31. 142-145
- Costa (1985). *Development Minds: A Resource Book of Teaching Thinking*. Preston, V. A : Association for Supervision and Curriculum Development
- Cronbach, L. J. (1970). *Essentials of Psychological Testing* (3rd ed.). New York: Harper & Row.
- Frenkel, R. J. (1986). *Helping Students to Think and Value Strategic for Teaching Social Studies*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Grounland, N. E. (1982). *Constructing Achievement Test, 3<sup>rd</sup> Ed.*. New Jwrsey: Prentice Hall Inc: Engle Word Cliffs
- Guszak, F. J. (1967). *Teaching Questioning and Reading*. *The Reading Teacher*. 21, 227-234
- Hale, G (1980). *Effect of Item Disclosure on TOEFL Performance*, "Research Report No. 8, Educational Testing Servises: Princeton, NJ
- Hamdan, Abdul Rahim & Saliza Ahmad (2008). *Tahap Penguasaan Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Amali (PEKA) Sains Menengah Rendah*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains & Matematik 2008, 11 - 12 Oktober 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hunkins, F. P. (1972). *Questioning Strategies and Technique*. University of Washington: Allyn and bacon, Inc

- Hussin Haji Arshad Ahmad (1993). *Pendidikan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Alias (1993). *Penilaian Formatif dan Pembinaan Item dan Penggunaannya oleh Guru Sains dan Matematik di Negeri Sembilan*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana
- Jamia'aton Soffian (2011). *Tahap Pengetahuan Guru Penggubal Item Dalam Aspek Pengujian Dan Pembinaan Item Serta Kemahiran Menilai Kualiti Item Objektif Aneka Pilihan Kemahiran Hidup Bersepadu*. Universiti Teknologi Malaysia Tesis Sarjana
- Jantzen, J.M. 1981. Why College Students Choose to Teach: A Longitudinal Study. *Journal of Teacher Education* 32 (2) : 45-48.
- Juliana,Osong (2008). *Hubungan antara Pengetahuan dengan Persepsi Amalan Pentaksiran*. Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana
- Kamarudin Hj. Husin (1989). *Pedagogi 3*. Universiti Pertanian Malaysia. Longman (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri (2007), *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- Kamus Dewan (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Khadijah Rohani Yunus (1982). *Ujian Kefahaman untuk Sekolah Menengah dan Rendah*. Kertas Kerja Seminar Perguruan: Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Langrehr, J. (1993). *Better Questions Better Thinking. Book 2*. Melbourne: Longman Cheshire
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2000). *Konsep Asas Penilaian*. Kuala Lumpur
- Mahzan Arshad (1994). *Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pemahaman Bacaan Bahan Kesusasteraan*. Universiti Malaya: Jurnal Pendidikan. Jld 16
- Mehrens William A. & Lechmann Krish J. (1984). *Measurement and Evaluation in Education and Psychology*: Third Edition, Japan: Holt, Rinehart. Kinston

- Mohamad Hj. Abu Daud (1993). *Tugas Dan Masalah Guru Dalam Mengendalikan Kurikulum Prasekolah*. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya
- Mohd Adzha B. Abd. Manan (2008). *Pembangunan Sistem Pengujian Soalan Berasaskan Aras Kognitif Bloom Bagi Topik Nisbah Tingkatan Dua KBSM*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Mohd Anuar B. Abd Rahman & Rosli Bin Ilyas (2006). *Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Daerah Pasir Mas, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Mohd Azhar B. Mohd Ali (2006). *Amalan Pentaksiran Sekolah Menengah di Malaysia*. Universiti Malaya. Tesis Ph.D
- Mohd Fakhrudzafie B. Mohd (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Membina Ujian Bilik Darjah*. Universiti Teknologi Malaysia. Disertasi Sarjana
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*, Skudai: Penerbit UTM
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Najib Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Yasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows*. Kuala Lumpur: Verton Publishing
- Mok, Soon Sang (1995)., *Asas Pendidikan 3 : Penilaian Dalam Proses Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mok, Soon Sang (1997), *Pengujian Dan Penilaian , Pemulihan Pengayaan, Dan Pendidikan Inklusif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhamad Sahari (2001). Pengujian Selaku Pemangkin Perubahan Pendidikan: Satu Peluang atau Retorik? Jurnal Pengurusan Pendidikan. Institut Aminuddin Baki 11 (2), 25-36
- Musak Mantrak.(1995). *Ke Arah Meningkatkan Martabat Pendidikan Abad ke-21: Cabaran, Hakikat dan Harapan*. Prosiding Seminar JKJAU Ke-9.

- Noor Rohana Mansor (1997). *Analisis Soalan Kefahaman Kertas Ujian Bahasa Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah di Negeri Terengganu: Hala Tuju UPSR.* Kertas Kerja Wacana Pendidikan Ke-4. Kuala Lumpur: Maktab Perguruan Pasir Panjang
- Noor Rohana Mansor (2007). *Aras Kognitif Soalan.* Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu
- Nor Aini Gimam (2005). *Permasalahan Yang Dihadapi Oleh Guru Wanita KHB Dalam Melakukan Projek Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Peringkat Penilaian Menengah Rendah di Sekolah Menengah Daerah Muar: Satu Kajian Kes.* UTM: Tesis Sarjana Muda
- Norbee Abdullah (2000). *Projek Bank Item.* Bahagian Pendidikan Guru. Kuala Lumpur
- Nordin Hj. Abdul Razak, Siti Hawa Abdullah & Zurida Ismail. 2000. *Kaedah, Amalan dan Masalah Pelaksanaan Penilaian Guru-Guru Peringkat Prasekolah.* Seminar Pendidikan Awal Kanak-Kanak.Universiti Sains Malaysia
- Nor Hashimah Hashim & Khadijah Zon (2000). *Pelaksanaan Penilaian Pendidikan Islam dan Moral: Satu Tinjauan di Prasekolah. Seminar Pendidikan Awal Kanak-Kanak .*Universiti Sains Malaysia.
- Nunan D. (1990). *The Questions Teachers Ask.* JALT Journal. 12, 187-202
- Philips, B. S. (1971). *Interviews, Questionnaires And Surveys. In Social Research: Strategy and Tactic.* New York: Mc Millan Company
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1990). *Falsafah Pendidikan Negara:* Dewan Bahasa dan Pustaka
- Raminah Haji Sabran (1991). *Penilaian dan Pengujian Bahasa Malaysia: Penerapannya Pada Peringkat Sekolah Rendah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Robiah Yaakob (2009). *Kajian Terhadap Penggunaan Pusat Sumber Sekolah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam (KBSM).* Universiti Teknologi Malaysia.Disertasi Sarjana
- Rohaty Mohd Majzub (2003). *Pendidikan Prasekolah : Cabaran Kualiti.* Bangi. Penerbit UKM
- Rohaya Talib (2008). *Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Ujian Literasi Pentaksiran.*Universiti Teknologi Malaysia.Tesis PhD
- Rosmawati Musa (2008). *Pengesahan dan Penggunaan Ujian Matematik Sekolah Rendah : Analisis Rasch.* Universiti Sains Malaysia.Tesis PhD

- Salbiah Ishak (1998). *Amalan Penilaian Formatif dalam Pelaksanaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) oleh Guru Bahasa Melayu Dan Matematik di Negeri Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana
- Senk, S.L, Beckman,C.E, Thompson, D.R (1997). *Assessment and Grading in High School Mathematics Classrooms. Journal for Research in Mathematics Education*, (28)2,187-215
- Smith, C. T. (1978). *Evaluation Answers to Comprehension Questions*. The Reading Teacher. 31, 896-900
- Somini Solatin (2002), *Penggunaan Jadual Penentu Ujian (JPU) Ketika Membina Item-Item Soalan Ujian Di Kalangan Guru-Guru Kemahiran Hidup Di Daerah Kulai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Stiggins (1999). *Teacher Training in Assessment*. Portland OR: Northwest Regional Educational Laboratory
- Sharifah Alawiyah Al Sagoff. (1983). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Thrope, V. C. (1990). *A Survey of Methods, Procedures and materials Used for Teaching Critical Thinking in a Selected School*. Unpublished Doctoral Dissertation, The University of California
- Traedway (1995). *Socrates Seminars: Engaging Students in Intellectual Discourse*. Educational Leadership. 9, 25-29
- Tuckman, B. W. (1972). *Conducting Educational Research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. (1993). "Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian". Kuala Lumpur : Nurin Enterprise
- Yap Kee Khiong (1998), Wan, Chin Seng dan Ismail Abu Bakar, 1986. *Pengukuran dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann
- Yusof Bin Boon & Mohd Musa Bin Shaharuddin (2011). *Kepimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor*. Seminar Pendidikan